

PENGUMUMAN

PELAKSANAAN PERKHIDMATAN MQA DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DI NEGERI SELANGOR (BERKUAT KUASA MULAI 13 JANUARI 2021)

- Susulan pengumuman Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan yang melibatkan enam (6) buah negeri termasuk negeri Selangor **mulai 13 Januari 2021**, Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) akan beroperasi **seperti biasa** tertakluk kepada pematuhan terhadap Prosedur Operasi Standard yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN).
- Orang ramai termasuk pihak-pihak berkepentingan dimohon mengambil maklum pelaksanaan urusan MQA seperti berikut:

Bil.	Urusan:	Perlaksanaan Urusan:
a.	Perkhidmatan Kaunter Permohonan dan Serahan Dokumen	Melalui pos atau kaunter khas <i>drop-off</i> di Mercu MQA
b.	Hari Mesra Pelanggan	Dalam Talian
c.	Lawatan Penilaian Akreditasi	MQA <i>Virtual Audit</i> (MQAVA)
d.	Sijil Akreditasi/APEL	Melalui pos
e.	Latihan Jaminan Kualiti	Dalam Talian
f.	Surat Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan	Melalui pos
g.	Pembayaran Perkhidmatan	Pembayaran secara <i>JomPay</i> atau Draf Bank (pos atau kaunter khas <i>drop-off</i>)

- Selain perkhidmatan MQA yang dinyatakan di atas, segala urusan akan dilaksanakan melalui kaedah pos dan e-mel.
- Takwim permohonan Akreditasi Sementara dan Akreditasi Penuh Bagi Tahun 2021 adalah kekal sepertimana yang telah ditetapkan dalam portal MQA.
- Urusan perbincangan dan perundingan berkaitan perkhidmatan MQA akan dilaksanakan **secara dalam talian** berdasarkan penetapan janji temu melalui saluran berikut: <https://www.picktime.com/AgensiKelayakanMalaysiaMQA> .
- Pertanyaan lanjut atau khidmat nasihat khusus juga boleh disalurkan ke sistem atau e-mel berikut:
 - Pertanyaan Umum : <https://www2.mqa.gov.my/sppa/>
 - Pendaftaran Program : unitpendaftaran@mqa.gov.my
 - *Accreditation of Prior Experiential Learning* (APEL) : apeladmin@mqa.gov.my
 - Nilai Taraf/Pengesahan Pengiktirafan : esisraf@mqa.gov.my
 - Sijil Akreditasi/*Malaysian Qualifications Register* (MQR) : unitsijil@mqa.gov.my / mqr@mqa.gov.my
 - Latihan Jaminan Kualiti : upjk.mqatc@mqa.gov.my
- Sebarang pengumuman berkenaan pelaksanaan perkhidmatan MQA akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
AGENSI KELAYAKAN MALAYSIA (MQA)
12 JANUARI 2021**